

3 faktor pacu kejayaan Kerajaan Perpaduan

Pencapaian diraih hasil kestabilan dasar, keberanian reformasi serta kepercayaan rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kejayaan Kerajaan Perpaduan hari ini adalah hasil kestabilan dasar, keberanian reformasi dan kepercayaan rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam negara, ekonomi terus diperkukuh melalui pelaburan berkualiti, penciptaan peluang pekerjaan dan agenda pertumbuhan yang inklusif.

"Malah, pada peringkat antarabangsa, hubungan antara kerajaan, pelbagai negara, kumpulan pemimpin, membuka ruang pelaburan strategik serta memperkukuh kedudukan Malaysia di mata dunia," katanya di Facebook, semalam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, segala pencapaian ini bukan sekadar angka dan statistik tetapi diterjemahkan kepada manfaat nyata un-

tuk rakyat.

"Daripada kesejahteraan keluarga, peluang ekonomi baharu hingga jaminan masa depan yang lebih berdaya tahan.

"Dengan sokongan padu keluarga, sahabat dan rakyat Malaysia, saya percaya Kerajaan MADANI akan terus melangkah ke hadapan, berkhidmat dengan amanah dan membina negara yang adil, makmur dan berdaya saing untuk semua," katanya.

Kerajaan Perpaduan melengkapkan tempoh tiga tahun pentadbirannya pada hujung bulan lalu, sekali gus berjaya mengekalkan kestabilan politik yang diharapkan rakyat.

Ruang itu membolehkan kerajaan memberi sepenuh tumpuan untuk memperkenalkan dasar baik untuk rakyat serta mengukuh ekonomi dan pelaburan yang akhirnya memberi manfaat kepada semua.

Anwar yang sebelum ini mengumumkan barisan baharu Ka-



Anwar Ibrahim, Perdana Menteri

binet menerusi rombakan dibuatnya, menetapkan harapan ia mampu menjadi satu pasukan lebih berkesan serta memberi tumpuan kepada usaha menjana per-

tumbuhan ekonomi yang lebih segar dan menyelesaikan permasalahan rakyat.

Beliau berkata, penyesuaian semula Kabinet juga dibuat sulaan beberapa kekosongan dalam barisan Jemaah Menteri serta keperluan semasa untuk memperkukuh keupayaan menghadapi cabaran ekonomi dan kebangkitan rakyat.